

YUHANIS BINTI MOHAMED NOOR

Kolokium Pascasiswazah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) telah diadakan secara maya pada 27 Ogos 2022 di Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan. Ia merupakan acara tahunan yang menjadi platform kepada pelajar pascasiswazah FKP untuk membentangkan kemajuan penyelidikan terkini oleh para pelajar. Acara ini telah dianjurkan sepenuhnya oleh jawatankuasa penyelaras Kolokium Pascasiswazah FKP 2022 yang terdiri daripada 25 orang pensyarah FKP serta 9 orang staf pentadbiran. Untuk acara kolokium pada tahun ini, telah berjaya menarik seramai 75 peserta, yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah. Bertemakan *"The Role Of Entrepreneurship And Marketing Towards Business Success"*, sebanyak 29 kertas kerja untuk bidang keusahawanan dan pemasaran diterbitkan. Untuk bidang logistik dan pengurusan, bertemakan *"The Important of Logistic and Management"*, sebanyak 23 kertas kerja telah diterbitkan manakala untuk bidang kewangan, perbankan Islam dan perakaunan, menerusi tema *"Sustainable Finance, Accounting and The Role of Islamic Banking"* sebanyak 23 kertas kerja telah dipilih untuk diterbitkan. Majlis penutup telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Nor Hakim bin Yusoff, selaku Dekan FKP dan program ini telah memilih 5 Pembentang Terbaik iaitu Yuhanis binti Mohamed Noor, Sundas Kashmeeri, Samsidine Aidara, Nurza binti Mohamed Yusoff dan Muhammad Ahyaruddin. Manakala untuk kategori Penulis Terbaik, seramai 5 pemenang telah dipilih iaitu Nurul Azreen binti Salleh, Nur Fairus binti Abd Hamid, Siti Samsiah, Ma Jianmei, dan Saidatul Afifah Auni binti Saipuddin. Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya.

